

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KEEMPAT, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' MAHFUZ OMAR
[POKOK SENA]**

SOALAN :

Dato' Mahfuz Omar [POKOK SENA] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) status rundingan Felda Global Venture untuk pembelian 30% saham High Eagle Plantation; dan
- (b) berapakah nilai harga 30% saham tersebut yang telah dimuktamadkan.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status rundingan pembelian kepentingan dalam Eagle High Plantation (EHP) oleh FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGV) masih di peringkat rundingan dan tiada sebarang keputusan dibuat setakat ini.

Berdasarkan kenyataan FGV kepada Bursa Malaysia, proses rundingan pembelian dilanjutkan sehingga 2016 dan sebarang perkembangan mengenai rundingan berkenaan akan diumumkan kepada Bursa Malaysia.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [TUMPAT]

SOALAN : 334

Y.B. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah KTM akan memulihkan sepenuhnya perkhidmatan kereta api dari Kuala Lumpur ke Tumpat.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Perkhidmatan kereta api dari Kuala Lumpur ke Tumpat dijangka akan dapat beroperasi semula bermula pertengahan bulan Mei 2016 setelah jambatan keretapi di Kemubu siap dibaikpulih serta kelulusan diperoleh daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) berhubung pengesahan landasan bagi laluan ini adalah selamat untuk tren beroperasi.